

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

SOALAN : BUKAN LISAN

DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil positif yang telah dicapai di bawah Skim Jejak Jaya Bumiputera dengan kerjasama Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) di bawah Program Pemerkasaan Bumiputera terutama di Sabah.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Program Skim Jejak Jaya Bumiputera atau SJJB telah diwujudkan pada tahun 2007 dan kini telah ditransformasi dan diperkukuh serta dikendalikan secara bersama oleh Teraju dan Ekuinas selaras dengan pengumuman Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera pada September 2013. Transformasi terancang program SJJB ini adalah sebahagian daripada strategi untuk mengukuhkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat.

Model dan rangka kerja operasi baru SJJB telah mendapat kelulusan daripada Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) dan ianya kini tidak lagi terhad kepada menyediakan bantuan kontrak Kerajaan 'peringkat akhir' sahaja, malahan turut memberikan khidmat nasihat sokongan secara menyeluruh kepada syarikat Bumiputera yang berpotensi untuk disenaraikan. SJJB juga akan memberi bantuan kepada syarikat PLC Bumiputera bersaiz kecil dan sederhana untuk terus berkembang maju menjadi syarikat peneraju pasaran yang lebih besar pada masa hadapan.

Ini bertujuan untuk meningkatkan modal pasaran syarikat kawalan Bumiputera di Bursa Malaysia serta menunjukkan komitmen berterusan dan usaha tertumpu Kerajaan dalam membangunkan ekosistem Bumiputera yang kompetitif, bukan hanya bergantung

kepada kontrak Kerajaan semata-mata tetapi menerusi pembinaan kapasiti yang berkekalan dan mampan.

Tumpuan SJJB kini lebih tertumpu kepada usaha membina kapasiti dan menyediakan khidmat nasihat secara menyeluruh termasuklah penyediaan pelan penciptaan nilai bagi meningkatkan kemampuan perniagaan menerusi pertumbuhan organik dan bukan organik, mengenal pasti cara mengakses dana, dan menambah baik proses urus tadbir syarikat untuk memastikan syarikat bersedia untuk disenaraikan. Selepas itu, SJJB akan bekerjasama dengan syarikat Bumiputera untuk merangka dan melaksanakan pelan IPO demi menjamin kejayaan penyenaraian.

Setakat ini, dua (2) buah syarikat iaitu Dynac Sdn Bhd dan Carimin Petroleum Berhad telah diterima di bawah program SJJB baharu ini. Carimin dan sebuah lagi syarikat SJJB sedia ada, E.A. Technique Berhad dijangka akan disenaraikan di Bursa Malaysia menjelang akhir tahun ini.

Untuk menjamin impak yang lebih bermakna, SJJB telah diberikan sasaran untuk meningkatkan modal pasaran keseluruhan PLC kawalan Bumiputera antara RM7.0 bilion dan RM10.0 bilion menjelang 2016. Kejayaan penyenaraian syarikat Icon Offshore Berhad, sebuah syarikat Bumiputera di bawah portfolio Ekuinas pada Jun 2014, bersama-sama dengan penyenaraian Carimin dan E.A. Technique dijangka dapat meningkatkan modal pasaran bagi PLC kawalan Bumiputera sebanyak RM2.8 bilion.

Sehingga kini, SJJB berjaya membantu memudahcara penyenaian lapan (8) syarikat dengan modal pasaran berjumlah RM5.1 bilion. Pencapaian ini terus membuktikan keberkesanan usaha Kerajaan dalam membangunkan syarikat PLC kawalan Bumiputera untuk menjadi peneraju pasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini belum ada penyertaan daripada syarikat-syarikat Bumiputera di Sabah untuk memanfaatkan program SJJB ini. Namun begitu, di bawah program TeraS oleh TERAJU, telah terkumpul sebanyak 35 syarikat berdaya maju dari Sabah dan ada di antaranya seperti JCB Oil & Gas Services Sdn Bhd dan Techbay Sdn Bhd telahpun merekodkan pencapaian yang memberangsangkan dan sudah hampir menjana rekod keuntungan yang membolehkan penyertaan mereka ke dalam program SJJB ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN NOGEH ANAK GUMBEK
DARIPADA [MAS GADING]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) dan sejauh manakah keberkesanan program ini di dalam menangani masalah keciciran dalam kalangan pelajar di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) telah berjaya menangani masalah keciciran dalam kalangan pelajar di kawasan luar bandar. Keberkesanan program ini di dalam menangani masalah keciciran dalam kalangan pelajar di kawasan luar bandar dapat dibuktikan kejayaannya di sekolah rendah berikut:

- a) SK Bandar Dua, Paloh Hinai, Pekan
- b) SK Kuala Lipis, Pahang
- c) SK Long Bedian, Baram, Sarawak
- d) SK Pensiangan Sabah
- e) SK Pos Kemar
- f) SK Air Banun
- g) SK (Asli) Bukit Kemandol